


Kembara Sutera

2015.08

CRI

中国国际在线



Kembara Jalan Sutera Purba pada Zaman moden

Xi'an, Rumah Keduaku di China

Quanzhou, Permulaan Laluan Sutera Maritim Purba

Xiamen, Wajah Yang Sukar Dilupakan

Terbitan Khas
Jalan Sutera



**GROUND PACKAGES
AVAILABLE**




- ✓ Makanan Halal
- ✓ Melawat Masjid-Masjid Tempatan*
- ✓ Pemandu Pelancong berbahasa Inggeris atau Malaysia
- ✓ Masa Sembahyang (Jadual Perjalanan terpilih sahaja)
- ✓ Jadual Perjalanan yang berkualiti & komprehensif

8D AVATAR FANTASY TOUR


malaysia airways



CHINA EASTERN



XIAMENAIR



GUANGZHOU/ CHANGSHA/ ZHANGJIAJIE/ CHANGDE

Fr. RM
3399

6D BEIJING/ TIANJIN HIGHLIGHT

Fr. RM
1499

9D BEIJING + SHANGHAI

Fr. RM
2399

8D GUILIN/ CANTON

Fr. RM
3199

GUILIN/ YANGSHOU/ GUANGZHOU + SHOPPING


8D JIANGNAN (Southern Of Yangtze)

SHANGHAI/ HANGZHOU/ SUZHOU/ WUXI/ WUZHEN

Fr. RM
1899

GROUND PACKAGES

Super Deals



4D CANTON **Fr. RM 880**

5D CANTON/ SHENZHEN **1118**

6D GUILIN **1225**

6D SHANGHAI/ HANGZHOU **803**

5D BEIJING **620**

6D BEIJING/ TIANJIN **1525**

6D KUNMING **766**

Imagine your Korea

KOREAN AIR

malaysia airways

6D UNIKNYA KOREA SEOUL/ MT SORAK/ NAMI ISLAND + EVERLAND Aug 26 Fr. RM 2699 All In **3099**

8D INDAHNYA KOREA SEOUL/ MT. SORAK/ NAMI ISLAND + EVERLAND + JEJU ISLAND May - Dec 2015 Fr. RM 3699

www.jnto.org.jp Japan Endless Discoveries

2014 Japan Tourism Award

7D JAPAN HONSHU Tokyo/ Disneyland/ Mt Fuji/ Kyoto/ Osaka May 28,29,30; Jun 2,3,5,6 Fr. RM 5099

Hong Kong's Biggest & New Attraction! Repulse Bay Visual 3D Art Museum

FREE ★ Macau Return Ferry Ticket ★ Hong Kong Tourist SIM Card ★ Hong Kong Hotel Breakfast ★ Hong Kong Big Bus Ticket

5D4N HONG KONG DISCOVERY Jul 29; Aug 12 4 Hotel

Taiwan

CHINA AIRLINES

malaysia airways

6D BEAUTIFUL TAIWAN -ONE FREE DAY Taipei/ Ilan / Shangri-La Farm/ Yehliu/ Jiufen/ Leo Fu Theme Park Fr. RM 2399

7D TAIWAN ROUND ISLAND Taipei/ Hualian/ Taidong/Kaohsiung/ Tainan/ Sun Moon Lake/ Taizhong Fr. RM 2799

THAILAND 5D CHIANGMAI/ CHIANGRAI Fr. RM 1599

5D BANGKOK/ PATTAYA Damnoen Saduak Floating Marketing All In Fr. RM 1699

7D JAPAN HOKKAIDO Sapporo/ Otaru/ Hakodate/ Lake Toya/ Noboribetsu Fr. RM 6299

• 4 nights 4-Star Hong Kong City Hotel
• Return Air Ticket + Airport/ Hotel Transfer
• Aberdeen Fishing Village, Victoria peak, National Mosque, Repulse Bay, Stanley Market, Visual Art Museum, Big Bus Tour

Indonesia 2014 Garuda Indonesia

KLM

5D JAKARTA/ BANDUNG Fr. RM 1299

Vietnam Vietnam Airlines

CATHAY PACIFIC

5D HO CHI MINH/ CHU CHI/ VUNG TAU Fr. RM 1399

5D HANOI/ HALONG/ TAM COC Fr. RM 1399

Fr. RM 1438



MALAYSIAN HARMONY TOUR & TRAVEL S/B Tel: **03-2142 9266**

KPK/LN: 0197 ROC No.: 118155-V (Jalan Tong Shin) E-mail: muslim@mysharmony.com

Fax: **03-2148 9767**

* Tertakluk kepada surc妖. • Harga percutian adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis. • Wang tunai sahaja • Tertakluk kepada termasuk syarat & syarat



Wacana dari Tembok Besar

Kita bertemu lagi dalam siri keluaran keempat majalah Kembara Sutera pada tahun ini. Siri keluaran kali ini sangat istimewa kerana kami akan membawa anda mengenali dan mengembara ke beberapa destinasi pelancongan yang sangat istimewa di sepanjang Jalan Sutera.

Sekiranya pada keluaran pada bulan April yang lalu, anda hanya mengetahui sejarah Jalan Sutera, dalam keluaran pada kali ini kami akan menunjukkan kepada anda keistimewaan jalan tersebut. Ya, membaca sejarahnya pun sudah menyeronokkan, apakah lagi kalau berpeluang menikmati destinasi pelancongan yang terdapat di sepanjang jalan yang terkenal itu.

Secara zahirnya, Jalan Sutera mungkin sekadar laluan perdagangan dan sumber pelancongan, namun hakikatnya Jalan Sutera adalah satu "jalan kerohanian" yang dapat menyedarkan dan menginsafkan kita banyak perkara tentang hidup ini. Oleh itu, sekiranya anda memilih destinasi pelancongan ini, hayatilah setiap pemandangan dan langkah yang anda laju kerana semuanya sangat bermakna.

Oh, ya! Buat pengembara Muslim, jangan bimbang tentang makanan halal. Ada banyak pilihan makanan halal di sepanjang jalan tersebut, sama ada makanan berat maupun makanan ringan. Bagi penggemar kambing, ini tentunya berita gembira buat anda kerana hidangan kambing adalah antara menu wajib di setiap tempat makan. Namun, makanlah secara seimbang kerana kesihatan lebih penting lebih-lebih lagi semasa tempoh percutian. Bagi yang tidak biasa dengan kawasan kering dan padang pasir, banyakkan minum air kosong bagi mengelakkan keadaan nyah hidrat pada tubuh badan.

Diharap keluaran pada kali ini dapat membantu anda menghayati dan mengenali dengan lebih dekat destinasi pelancongan Jalan Sutera. Tidak rugi sekiranya anda mencuba percutian "satu jalan, seribu pemandangan" ini.

Baiklah, semoga bertemu lagi dalam keluaran yang akan datang. Salam mesra daripada kami.

3Kawie
Awam



06

Kembara Jalan Sutera

16

Xi'an, Rumah Keduaku di China

22


Quanzhou, Kampung Halamanku

28

Xiamen, Wajah Yang Sukar Dilupakan

34

Pencuci Mulut pada Musim Panas: Bubur Labu



Penerbit:

Radio Antarabangsa China (CRI)

Ketua Pengarang:

An Xiaoyu

Timbalan Ketua Pengarang:

Zhang Wenwen

Ketua Editor:

Wang Jin

Editor:

Zaidah Ahmad Rosly

Zhang Wei Lin Ying

Tempat Edaran:

Malaysia

Tarikh Terbit:

**Oktoper, Disember, Februari, April,
Jun, Ogos**

Laman Sesawang:

<http://malay.cri.cn>

facebook:

www.facebook.com/kembarasutera

E-mel:

mal@cri.com.cn

Surat-menurat:

**Malay Service,
China Radio International,
16A Shijingshan Road,
100040 Beijing, P.R. China.**

Telefon:


+86-10-68892073



Kembara Jalan Sutera

oleh: **Zaidah Ahmad Rosly, CRI**

Jalan Sutera mempunyai beberapa laluan di China, namun yang paling terkenal ialah Jalan padang pasir di provinsi Gansu. Provinsi Gansu terletak di barat laut Tanah Besar China dengan keluasan kira-kira 1665 kilometer dari timur ke barat. Gansu kaya dengan pelbagai sumber pelancongan dan dikatakan sebagai tempat bermulanya ketamadunan China yang telah berusia kira-kira 8000 tahun yang lalu. Ibu kota provinsi Gansu, iaitu Lanzhou merupakan pusat pengangkutan dan destinasi peranginan musim panas di China.



Provinsi Gansu mempunyai lapan jenis zon iklim dari selatan ke utara. Selain itu, Gansu juga mempunyai pelbagai jenis geomorf seperti Gurun Gobi, padang pasir, glasier, gunung salji, hutan, padang rumput, bentuk muka bumi Yardang, Danxia dan kars. Selain laut dan pulau, semua sumber pelancongan di China ada di provinsi Gansu. Disebabkan kepelbagaiannya itulah, Jalan Sutera padang pasir di provinsi Gansu menjadi pilihan kebanyakan pelancong yang mahu menikmati atau merasai pengalaman sebenar melalui Jalan Sutera pada zaman purba.

Terdapat beberapa destinasi pelancongan yang terkenal di sepanjang Jalan Sutera di provinsi Gansu antaranya termasuklah Jiayuguan dan Dunhuang. Bagi memastikan sektor pelancongan terus berkembang pesat, Jabatan Pelancongan Provinsi Gansu telah mengadakan Festival Pelancongan Antarabangsa Jalan Sutera-Dunhuang ke-5 pada Julai yang lalu.

Selamat Datang ke Jiayuguan!

Sebagai salah satu pusat lalu lintas utama Jalan Sutera pada zaman purba, sudah pasti Jiayuguan banyak mempunyai tinggalan sejarah dan



destinasi pelancongan yang menarik untuk dilawati. Semasa Festival Pelancongan Antarabangsa Jalan Sutera-Dunhuang ke-5 pada 14 Julai – 18 Julai yang lalu, rombongan Kembara Laluan Sutera 2015 telah dibawa ke empat buah destinasi pelancongan di Jiayuguan, iaitu Taman Burung Merak China, Estet Arak Zixuan, Kubu Jiayuguan dan Taman Tema Fantawild.



Terkejut Disapa Si Burung Merak

Apabila tiba sahaja di Taman Burung Merak China, rombongan kami disambut oleh penyambut tetamu yang siap berpakaian dengan motif burung merak. Kemudian, kami terus dibawa ke sangkar besar burung merak untuk menyaksikan burung-burung merak yang dipelihara di taman tersebut. Hampir semua burung merak yang berada di taman tersebut berwarna biru, namun terdapat beberapa ekor yang dilihat berwarna putih. Burung Merak biru di taman itu berasal dari India dan Sri Lanka.

Mungkin teruja melihat kedatangan tetamu yang ramai, burung-burung merak tersebut telah menyapa kami dengan suara yang kuat dan garau. Pada mulanya sedikit terkejut, namun setelah lama bersiar-siar di taman tersebut, kami sudah biasa dengan

bunyi-bunyi bising itu, malah berasa meriah dan semakin seronok untuk mengambil gambar burung-burung merak tersebut. Burung merak di situ hanya bertelur 25 biji setahun. Harga untuk sebiji telur dikatakan hampir mencecah 100 yuan. Walaupun agak mahal, telur burung merak tetap mempunyai nilai pasaran yang sangat baik.

Selain sangkar besar burung merak, di taman tersebut terdapat galeri yang mempamerkan foto-foto daripada jurufoto China, pameran lukisan dan tokong kecil. Kami juga ke sebuah kawasan yang agak tinggi di taman tersebut. Di kawasan tersebut terdapat replika burung merak yang besar. Selain replika, kami sangat tertarik dengan pemandangan di kawasan tersebut yang berlatarbelakangkan Gunung Qilian. Di situ, kami dapat melihat pemandangan Gunung Qilian yang mempesona itu.

Gunung yang bertopi akan salji itu seakan aiskrim yang begitu menyelerakan dari jauh. Mungkin disebabkan cuaca yang panas pada ketika itu, Gunung Qilian juga kelihatan seperti aiskrim!

Pada akhir lawatan di Taman Burung Merak China, kami berkesempatan untuk menyaksikan persembahan burung merak yang menghiburkan.

Wah, Pertama kali ke Estet Arak!

Estet Arak Zixuan disenaraikan sebagai Kawasan Pemandangan Indah Peringkat 4A Negara. Estet yang terletak di utara kaki Gunung Qilian itu dikatakan mampu menghasilkan anggur yang bermutu tinggi kerana kelebihan alam semula jadinya, iaitu iklim yang kering, cahaya matahari yang cukup, perbezaan suhu yang ketara

antara malam dengan siang dan tanah pasir Gurun Gobi yang tipikal.

Lokasi pertama lawatan kami di estet tersebut adalah di kawasan pembungkusan arak. Di situ, kami melihat proses pembungkusan arak dari luar dinding kaca. Proses

berhawa dingin. Menurut wakil syarikat berkenaan, arak-arak tersebut akan disimpan di bilik bawah tanah tersebut sekurang-kurangnya selama setahun untuk menghilangkan kepahitan dan mendapatkan rasa yang lebih tulen sebelum melalui proses seterusnya.



pembungkusan arak dibuat dengan begitu berhati-hati dan cermat. Hal ini bagi menjamin arak yang dihasilkan berkualiti tinggi bukan sahaja pada rasanya, malah pada botol dan labelnya juga.

Ini merupakan pengalaman pertama di estet arak dan boleh dikatakan pengalaman yang menarik juga ya!

Rasai Keriangan di Taman Tema Fantawild

Taman tema Fantawild ini dibahagikan kepada beberapa zon dan mempunyai hampir 20 tarikan permainan. Oleh sebab kesuntukan masa, kami hanya berpeluang untuk merasai pengalaman hebat di Sky Sailor dan The Silk Road.

Memasuki bangunan yang bertemakan The Silk Road, kami seolah-olah telah memasuki terowong masa, lalu kembali pada zaman



Jalan Sutera purba. Hiasan dalamannya direka seperti suasana pada zaman lampau. Di dalam bangunan tersebut, kami dibawa menaiki trem untuk mengembara ke zaman Jalan Sutera purba. Dengan penggunaan teknologi 4D, suasana Jalan Sutera pada zaman purba seolah-olah “hidup” di depan mata kerana

Pada mulanya, kami agak tertanya-tanya apabila melihat di hadapan kami terdapat skrin yang besar. Kemudian, kami diminta duduk dan perlu mengenakan tali pinggang keselamatan. Apabila lampu dipadamkan, kami dapat mendengar bunyi pergerakan dinding dan lantai. Tiba-tiba, kaki saya tidak dapat memijak

dan saling berpegangan tangan. Kemudian, bermulalah pengembalaan kami dari satu negara ke satu negara mengikut paparan video yang ditayangkan. Ah, memang pengalaman yang sukar untuk dilupakan, namun sangat menyeronokkan!

Kemegahan Kubu Jiayuguan

Asal nama daerah Jiayuguan adalah daripada Kubu Jiayuguan ini. Kubu ini terletak tidak jauh dari pusat bandar, iaitu kira-kira lima kilometer. Kubu Jiayuguan merupakan kubu pertahanan China di bahagian barat dan dikatakan kubu pertama yang paling penting di sepanjang Jalan Sutera serta tempat bermulanya pembinaan Tembok Besar. Laluan keluar masuk ke China di bahagian sebelah barat akan melalui kawasan ini. Oleh sebab itu, bagi menjamin keselamatan negara dan mengelakkan serangan musuh, kubu tersebut telah didirikan semasa pemerintahan Dinasti Ming pada tahun 1372.

Kubu Jiayuguan tersebut seumpama petempatan kecil yang dikelilingi tembok besar dan menara-menara keselamatan. Keluasan keseluruhan kubu tersebut dianggarkan 33,500 meter persegi dengan ketinggian 10 meter. Sekiranya dilihat dari jauh, kubu tersebut berbentuk trapezium, lebar di bahagian



suasana kota lama, gurun, gua ais, ribut dan gunung-ganang dapat dilihat dan dialami melalui penggunaan teknologi tinggi tersebut.

Selepas itu, kami ke Sky Sailor pula. Di situ, kami dibahagikan kepada kumpulan dan perlu bergilir-gilir untuk naik ke tingkat atas. Sekiranya di The Silk Road, kami seolah-olah flashback ke pengembalaan Jalan Sutera, tetapi di Sky Sailor kami dibawa mengembara hampir ke seluruh dunia. Percaya atau tidak, itulah pengalaman yang telah dilalui!

lantai. Seketika, terbit debaran dalam hati saya.

Apabila tayangan video mula dipaparkan di skrin, barulah kami dapat melihat keadaan sekeliling. Pada ketika itu, dinding dan

lantai sudah tiada dan kami boleh melihat rakan-rakan di bilik sebelah dan kakikaki yang terjuntai di tingkat atas. Kerusi kami juga mula bergerak-gerak. Kalau hendak dibayangkan keadaannya sama seperti sedang menaiki belon udara panas. Keadaan tersebut menyebabkan ada antara kami yang menjerit

barat dan kecil di bahagian timur. Kubu Jiayuguan dikatakan seumpama petempatan kecil kerana mempunyai beberapa “bandar” di dalam kubu tersebut, iaitu bahagian tengah bandar, bandar istana, lingkaran luar kota, menara dan ruang tambahan.

Bahagian tengah bandar merupakan bahagian utama dalam kubu tersebut. Bahagian tersebut mempunyai keluasan kira-kira 25,000 meter persegi dan mempunyai dua gapura, iaitu satu di bahagian timur yang dinamai “Guang Hua Men” dan satu di bahagian barat yang dinamai “Rou Yuan Men”. Dengan adanya lapisan bandar dan tembok besar, sistem pertahanan akan lebih kuat kerana mudah untuk dikawal dan sukar untuk diserang oleh pihak musuh.

Setelah beberapa dekad, kubu pertahanan tersebut telah dikomersialkan dan menjadi salah satu tarikan utama pelancong. Kini, terdapat pelbagai aktiviti pelancongan

di kawasan kubu tersebut antaranya termasuklah memanah, jualan cenderamata dan buku pelancongan, persembahan kebudayaan dan jualan makanan ringan. Kesempatan berada di kubu pertahanan yang disenaraikan sebagai Kawasan Pemandangan Indah Peringkat 5A Negara itu, bukan sahaja telah mewujudkan perasaan kagum, malah bercampur baur dengan perasaan bangga dan megah.

Daerah Padang Pasir Dunhuang

Perjalanan dari Jiayuguan ke Dunhuang mengambil masa kira-kira lima jam. Terdapat perkhidmatan bas disediakan dari Jiayuguan ke Dunhuang. Kepada sesiapa yang mahu merasai kehidupan di padang pasir, Dunhuang adalah tempat yang paling sesuai. Hal ini disebabkan Dunhuang terletak di kawasan Gurun Gobi. Gurun Gobi merupakan kawasan padang pasir terbesar di

Asia yang meliputi utara dan barat laut China serta selatan Mongolia.

Sepanjang berada di Dunhuang, saya hanya sempat melawat ke enam destinasi pelancongan utama di Dunhuang, iaitu Kubu Yumenguan, Tembok Besar Dinasti Han, Taman Geologi Negara Yardang, Grotto Mogao, Bukit Pasir Mingsha, Kolam Bulan Sabit dan pasar malam Dunhuang.

Menghayati Tinggalan Kubu Yumenguan dan Tembok Besar Dinasti Han

Kubu Yumenguan merupakan kubu penting di bahagian utara, Jalan Sutera. Kubu ini terletak kira-kira 95 km dari arah barat laut pusat bandar Dunhuang. Kubu ini telah mula dibina pada zaman Dinasti Han, iaitu kira-kira 2,000 tahun yang lalu.

Adakah anda masih ingat tentang sejarah Jalan Sutera, iaitu perjalanan yang dilalui





oleh utusan Dinasti Han, Zhang Qian menuju ke kawasan barat dengan membawa sutera dan teh? Sutera dan teh yang dibawa oleh Zhang Qian ke kawasan barat itu akan melalui kubu tersebut. Pada zaman lampau, kawasan ini sangat makmur dengan hasil pertanian. Selain berfungsi sebagai kubu pertahanan, kubu ini juga merupakan lokasi keluar masuk para pengembara, pedagang dan utusan.

Satu lagi destinasi pelancongan tembok besar yang istimewa di Dunhuang ialah Tembok Besar Dinasti Han. Tembok besar ini dibina sebagai perisai bagi menghalang gangguan Orang Hun dan sebagai laluan perdagangan dengan kawasan barat. Keistimewaan Tembok Besar Han ini berbanding dengan Tembok Besar yang lain ialah Tembok besar ini tidak menggunakan batu bata tetapi dibina menggunakan tanah dan tumbuh-tumbuhan seperti mensiang, apocynum, Tamarix, dan sebagainya. Tanah dan tumbuh-tumbuhan

tersebut diletakkan selapis demi selapis (dengan ketebalan setiap lapisan sekitar 12 hingga 15 cm) sehingga membentuk sebuah tembok yang kuat dan kukuh.

Kini, dinding tembok besar yang mempunyai 2.6 meter tinggi, 3 meter lebar dan 130 km panjang itu masih mampu bertahan walaupun ditimpa panas dan hujan bersilih ganti di kawasan padang pasir selama hampir 2000 tahun.

Tiada pengangkutan awam disediakan untuk ke tempat-tempat tersebut. Oleh itu, anda digalakkan untuk memandu sendiri, menyewa kereta atau menggunakan perkhidmatan agensi pelancongan yang menyediakan pengangkutan ke sana.

Taman Geologi Negara Yardang Yang Misteri

Taman Geologi Negara Yardang dibuka kepada pelancong pada bulan Ogos 2003. Taman geologi tersebut terletak kira-kira 180 km dari pusat bandar Dunhuang dan terletak jauh ke dalam

kawasan padang pasir. Luas keseluruhan taman geologi tersebut dari utara ke selatan kira-kira 400 km persegi. Ciri keistimewaan taman geologi tersebut ialah taman geologi tersebut wujud hasil daripada hakisan angin. Lanskap padang pasir dan relik yang terdapat di taman geologi tersebut semuanya terhasil secara semula jadi.

Orang zaman dahulu, menggelar taman geologi ini sebagai kota hantu. Mungkin keadaannya pada zaman dahulu yang suram, sunyi dan misteri, berbeza dengan keadaannya pada zaman sekarang yang dibanjiri dengan kedatangan ramai pelancong dan pembinaan pelbagai kemudahan asas seperti tandas awam dan restoran.

Pemandangan di taman geologi tersebut walaupun hanya terdapat batu-batu besar dan pasir-pasir hitam, namun sangat unik, khususnya bagi pencinta alam semula jadi. Batu-batu besar di situ ada yang menyerupai burung merak dan telur burung merak. Selain itu, terdapat juga batu-

batu besar yang menyerupai barisan kapal-kapal perang tentera laut. Semua bentuk tersebut terhasil daripada proses alam semula jadi. Sebarang aktiviti memanjat batu-batu besar tersebut dilarang sama sekali. Hal ini bagi menjamin keaslian dan pemandangan semula jadi taman negara tersebut.

Groto Mogao, Keindahan Gua Seribu Buddha

Groto Mogao terkenal dengan kecantikan mural, arca Buddha dan tinggalan manuskrip lama. Lebih istimewa, hampir 2,415 arca dan lukisan mural yang meliputi hampir 45,000 meter persegi dihasilkan dalam 492 buah gua kecil. Pada tahun 1987, Groto Mogao telah disenarai sebagai Warisan Kebudayaan Dunia oleh UNESCO.


Menurut sejarah, seorang

sami Buddha seolah-olah telah melihat bayangan akan kewujudan seribu Buddha di bawah satu cahaya. Berinspirasi daripada bayangan tersebut, beliau telah memulakan pembinaan groto tersebut yang memakan masa selama sepuluh dinasti. Oleh itu, terdapat pelbagai jenis arca Buddha berwarna dapat ditemukan mengikut zaman arca tersebut dihasilkan, iaitu sekitar abad ke-4 hingga abad ke-14. Begitu juga dengan lukisan mural yang dihasilkan, setiap satunya mempunyai ciri istimewa dan ceritanya yang tersendiri.

Selain itu, terdapat juga tinggalan perpustakaan dengan beribu-ribu manuskrip lama yang sangat berharga. Hampir keseluruhan groto tersebut mempunyai bentuk yang sama, iaitu arca Buddha diletakkan di bahagian hadapan, mural sebagai

latar belakang arca Buddha, manakala dinding sisi dan siling dihiasi dengan pelbagai lukisan berwarna.

Groto Mogao terletak kira-kira 25 km dari arah selatan pusat bandar Dunhuang. Untuk ke kawasan gua tersebut, anda perlu menaiki bas khas yang disediakan, tiada kenderaan peribadi dibenarkan ke kawasan tersebut. Untuk masuk ke gua-gua kecil tersebut, setiap kumpulan perlu masuk secara bergilir-gilir dan diiringi oleh seorang pemandu pelancong yang ditugaskan oleh pihak pengurusan Groto Mogao. Selain itu, sebarang rakaman foto tidak dibenarkan, lebih-lebih lagi penggunaan flash kerana akan menjejaskan kualiti arca-arca tersebut. Antara 492 buah gua, hanya lapan yang dibuka kepada pelancong. Langkah pemeliharaan groto tersebut perlu dikekalkan dan diambil





dengan tegas demi menjaga khazanah dunia yang sangat berharga itu.

Bukit Pasir Mingsha dan Kolam Bulan Sabit

Sekiranya disebut padang pasir, perkara pertama yang melekat di kepala tentunya kawasan yang tandus dan kering kontang. Namun, uniknya kawasan padang pasir di Bukit Mingsha yang terletak lebih kurang 6 km dari pusat bandar Dunhuang ini terdapat kolam yang berbentuk bulan sabit yang telah wujud sejak beribu-ribu tahun yang lalu, airnya jernih dan dikelilingi oleh rumput yang menghijau. Fenomena tersebut dikatakan yang pertama di dunia.

Selain menikmati keindahan kolam tersebut, aktiviti mendaki Bukit Pasir Mingsha juga adalah antara aktiviti yang mencabar dan menyeronokkan. Namun, apabila sudah sampai di



puncak, kepuasannya tidak dapat dibayangkan. Cuaca panas dan kering seakan-akan sudah luput dalam fikiran yang ada hanyalah keterujaan dan kegembiraan untuk menikmati butiran pasir dan pemandangan indah di sekitar bukit pasir tersebut. Sekiranya sudah puas bermain pasir, mendaki bukit dan bergambar kenangan, aktiviti lain yang boleh dilakukan di situ tentulah menunggang unta.

Pasar Malam Dunhuang dan Pilihan Makanan Halal

Setelah puas bersiar-siar, tidak lengkap rasanya kalau tidak menikmati makanan tempatan dan membeli cenderamata kenangan untuk keluarga dan rakan-rakan. Pasar malam Dunhuang yang terletak

di Jalan Timur Yangguan merupakan pasar malam yang berkoncep seni bina Dinasti Tang pada reka bentuk gerai-gerainya. Di bahagian depan pasar malam ini terdapat gerai-gerai kecil yang menjual pelbagai jenis pilihan makanan tempatan termasuklah gerai yang menjual makanan halal. Sate kambing adalah antara makanan yang wajib ada di setiap gerai makanan tersebut. Selain itu, pengunjung bolehlah memilih menu-menu lazat lain yang disediakan di situ.

Di bahagian belakang gerai-gerai makan tersebut, terdapat gerai yang menjual pelbagai jenis cenderamata. Pelbagai pilihan yang ditawarkan memang menyebabkan rambang mata, sementelah harganya juga berpatutan. Sekiranya anda pandai tawar menawar, tempat ini seumpama

Apabila menyebut Jalan Sutera, sudah pasti ramai yang membayangkan padang pasir dan pedagang-pedagang yang menunggang unta. Keadaan seumpama itu masih boleh dilihat di provinsi Gansu di China.

syurga beli-belah kepada anda kerana barang yang boleh anda peroleh di sini tentunya melebihi nilai yuan anda.

Kesimpulannya, sekiranya dahulu Jalan Sutera berperanan sebagai laluan ekonomi dan perdagangan, kini Jalan Sutera telah menjadi sumber pelancongan utama di China. Destinasi pelancongan di sepanjang Jalan Sutera adalah antara pilihan destinasi pelancongan yang paling menarik dan telah disyorkan sebagai satu daripada 12 destinasi pelancongan yang paling hangat dan popular oleh Pentadbiran Pelancongan Negara China. Oleh itu, sekiranya anda mahu merasai pelbagai pengalaman melancong dalam satu masa, destinasi pelancongan Jalan Sutera adalah pilihan terbaik untuk anda. **KS**

Xi'an

Rumah Keduaku di China

oleh: Farahnaz Hashim, CRI



Pengalaman kali pertama menjajakan kaki ke kota purba Xi'an, pasti tidak akan kulupakan. Walaupun lebih enam tahun sudah berlalu sejak kunjungan pertama itu, namun perasaan ketika aku dan ibuku melangkah turun ke platform stesen kereta api Xi'an masih segar di ingatan. Aku masih ingat lagi, betapa teruja dan berdebar-debarnya hati ini saat menghirup udara sejuk pada subuh hari tahun baru itu. Begitulah Xi'an, sekali berkunjung, sepanjang hayat tidak terlupa – apatah lagi aku yang telah melihat Xi'an lima kali setakat ini, pastilah Xi'an lekat di hati.



Penggemar sejarah pasti tahu, Xi'an, ibu kota provinsi Shaanxi ini tempat asal salah satu keajaiban dunia iaitu patung tanah liat berupa perwira dan kuda makam maharaja Qinshihuang atau Terracotta, serta tempat bermulanya Jalan Sutera. Aku masih ingat lagi nama Xi'an disebut-sebut ketika belajar tentang sejarah dunia semasa di bangku sekolah dahulu. Tidak aku sangka ketika itu, aku salah menyebut nama Xi'an, dan lebih tidak disangka, Xi'an akan begitu dekat denganku sehingga boleh dikatakan rumah keduaku di China.

Seperti bandar-bandar bersejarah yang lain, Xi'an juga tidak dapat mengelak

daripada tempias-tempias perubahan zaman. Setiap kali aku melawat ke bandar ini, ada sahaja tanda-tanda kemodenan baharu yang mewarnai landskapnya. Aku perhatikan, bangunan tinggi semakin banyak, bangunan lama mula tenggelam. Dahulu tidak ada subway, sekarang sudah ada. Bandar berpenduduk lebih lapan juta ini tampaknya tidak pernah tidur, namun yang benar-benar mencuri perhatianku adalah wajah lamanya.

Xi'an mengajarku mengenal sejarah China

Bagiku, Xi'an salah satu tempat terbaik untuk mempelajari sejarah China.



18 Kembara Sutera

Sudah sampai ke sini, barulah aku tahu kota ini pernah dipanggil Chang'an sebelum zaman Dinasti Ming, merupakan satu daripada empat Ibu Kota Purba Terkenal China, dan pernah 13 kali menjadi ibu negara bagi kerajaan-kerajaan dalam sejarah. Sama seperti kerajaan-kerajaan purba itu, aku juga tidak pernah jemu dengan Xi'an.

Aku sering ditanya, kalau sudah berkali-kali ke Xi'an, tidakkah aku bosan melihat tempat-tempat yang sama? Tidak, sama sekali tidak. Setiap kali pun aku tetap teruja melawat ke tempat-tempat tinggalan sejarah yang sama. Baik Muzium Patung Tanah Liat Maharaja Qinshihuang,

Menara Gendang dan Menara Loceng, mahu pun tapak peninggalan sejarah Banpo di pinggir kota, ada saja pengetahuan baharu yang aku perolehi setiap kali melawat ke kota ini. Kali pertama aku di sana, aku sesat jalan ketika mahu mencari Masjid Besar. Sekarang, aku sudah pun biasa dengan lorong-lorong kecil yang boleh dijadikan jalan pintas.

Aku sentiasa kagum melihat koleksi artifak di Muzium Sejarah Shaanxi berhampiran Pagoda Itik Liar Besar, memang cukup untuk membolehkanku menyelami hidup masyarakat purba di sini. Sebelum pernah ke Xi'an, jangankan sumbangan masyarakat China dahulu terhadap perkembangan tamadun manusia, bagaimana sutera dihasilkan daripada ulat sutera pun aku tidak tahu!

Di sini, aku berbasikal di atas tembok

Satu kelebihan yang dimiliki Xi'an ialah tembok kotanya. Walaupun terdapat banyak kota di China yang dikelilingi tembok pada zaman dahulu, namun tidak banyak tembok kota yang terselamat hingga kini. Tembok asal kota Xi'an dibina seawal tahun 194 SM, tembok yang dapat dilihat sekarang ini dibina pada zaman dinasti Ming, iaitu tahun 1370 M. Tembok yang panjang keseluruhannya

13.7 kilometer ini cukup gah



dengan tingginya 12 meter dan lebar dasarnya 15 hingga 18 meter.

Kali pertama sampai ke Xi'an, aku tidak sempat melawat ke temboknya. Jadi



untuk menghilangkan rasa kesal di hati, kali seterusnya aku ke Xi'an bersama kawan-kawan, kami luangkan masa untuk bermain-main di atas tembok. Memang dari bahagian atasnya, pemandangan segenap kota Xi'an boleh dilihat. Ada kalanya aku berasa bersalah juga kerana seolah-olah kami mengintai rumah penduduk tempatan.

Tahun lalu ketika aku ke


Xi'an, aku dapat pengunjung sudah boleh memilih untuk mengelilingi tembok kota dengan berjalan kaki, menyewa basikal, atau pun menaiki kereta elektrik. Waktu aku ke sana bersama kawan-kawan dahulu, belum ada kereta elektrik, kami memilih untuk berbasikal. Untuk menghidupkan suasana, seorang kawanku menyanyi sambil mengayuh. Suaranya begitu merdu membuat aku

dan seorang lagi kawan jatuh basikal akibat terpukau. Seluarku yang berlubang di lutut masih kusimpan hingga hari ini, sebagai bukti persahabatan dan kenangan untuk satu-satunya kali kami berbasikal di tembok kota Xi'an.

Di sini, aku jatuh cinta pada Yangrou Paomo

Xi'an penting kedudukannya

dalam sejarah perkembangan Islam di China. Sebagai salah satu tempat paling awal menerima Islam, tidak hairanlah kota ini memiliki banyak masjid purba dan komuniti Islam yang agak besar. Dua buah masjid di Xi'an yang paling aku suka



kunjungi adalah Masjid Besar Xi'an kerana pekarangannya indah seperti taman, dan Masjid Xiaopiyuan yang sempat aku berkenalan dengan imamnya dan anak gadis beliau yang menuntut di Malaysia.

Seperti yang diketahui oleh

sesiapa yang pernah melawat ke Xi'an, mencari makanan halal di kota ini bukanlah masalah. Sebaliknya, pelancong mungkin dibelenggu dilema kerana tidak cukup masa untuk menikmati hidangan-hidangan tempatan seperti ladu kukus,

kecil di Jalan Makanan Halal. Semua yang duduk di restoran itu memesan semangkuk seorang, kami yang tidak faham apa-apa ikut sama memesan. Semangkuk apa, kami kurang pasti; yang penting ketika itu ialah mengisi perut yang sudah berbunyi-bunyi. Hidangan yang dijamu itu sup daging kambing dengan cebisan roti pita di dalamnya. Itulah Yangrou Paomo, dan aku pun jatuh cinta pada rasa pertama.

Apabila pulang ke Beijing, aku sering tercari-cari hidangan ini, namun belum kutemui lagi yang sesedap dan seasli di Xi'an. Barangkali aku sanggup menempuh perjalanan jauh dari Beijing ke Xi'an demi semangkuk Yangrou Paomo.

Di sini, aku mendekati alam khayalan

Setelah bertahun-tahun menetap di Beijing, hidupku di sini boleh dikatakan sudah rutin; lima hari bekerja di pejabat, dan pada hujung minggu aku keluar bersiar-siar. Tetapi di hutan konkrit ini, aku terasa kurangnya sesuatu, dan sesuatu itu aku temui semasa di Xi'an.

Ketika aku mengikut rombongan wartawan Malaysia dan Indonesia ke Xi'an pada tahun 2012, kami dibawa mendaki Huashan, salah satu daripada lima gunung yang paling cantik di China. Indahnya

pemandangan di situ, tidak tergambar dengan kata-kata. Ditambah pula cuaca yang bergerimis menjadikan suasana di Huashan seolah-olah latar dalam cerita dongeng yang penuh misteri.

Dalam mata orang asing, Xi'an mungkin terkenal kerana nilainya dari segi sejarah, namun pada hakikatnya, kota ini juga mempunyai aura mistik dan elemen romantik yang sukar ditandingi.

Pernah sekali aku melawat ke kolam Huaqing, salah satu taman diraja yang paling lama di China. Kolam Huaqing ini lokasi dan landskap semula jadinya amat mempesona, tetapi yang benar-benar meninggalkan kesan bagiku adalah persembahan mengenai kisah cinta antara maharaja Tangminghuang

dengan gundik baginda yang bernama Yangguifei, yang turut menjadikan taman ini terkenal. Persembahan itu diadakan setiap malam dengan gunung dan air sebagai latarnya, cukup mengagumkan.

Pernah juga aku tonton kisah cinta yang sama dipersembahkan di Taman Furong. Taman itu dibina dengan gaya seni bina dinasti Tang, dan sesiapa yang melangkah masuk pasti merasakan diri seolah-olah telah dibawa kembali ke masa silam. Kewangian dupa yang mengharumi pekarangan memang membuat taman seperti istana kuno ini dipenuhi suasana misteri, umpama alam khayalan. Liuk lentok penari diiringi irama muzik lama menyempurnakan

lawatan, hinggakan aku tidak ingin balik.

Memang begitulah aku setiap kali ke Xi'an, kakiku sentiasa terlalu berat untuk melangkah pulang. Kalau ditanya, adakah aku mahu ke Xi'an lagi? Jawapanku mudah saja; sudah pasti! Banyak lagi yang masih belum aku terokai di rumah keduaku di China ini. Lagipun, aku masih belum puas menghirup Yangrou Paomo. **KS**



Ikuti editor KS melancong di China

Quanzhou

Kampung Halamanku



Zhang Wenwen, Timbalan Ketua Pengarang Kembara Sutera. Orang Quanzhou, provinsi Fujian. Dalam ruangan Ikuti Editor KS Melancong di China keluaran ini, sila ikuti Wenwen melawat ke kampung halamannya yang diiktiraf sebagai permulaan Jalan Sutera Maritim pada zaman dahulu.

Saya dilahirkan di Quanzhou dan dibesarkan di sana sehingga berumur 19 tahun. Seperti yang disebut dalam sebuah puisi China, "tidak kenal wajah sebenar Gunung Lushan kerana berada di gunung ini", selepas saya berhijrah ke bandar raya Beijing, barulah saya menyedari betapa uniknya kota yang digelar sebagai permulaan Jalan Sutera Maritim ini.



Biodata Quanzhou
Nama Rasmi: Quanzhou
Gelaran: Bandar Citong/Zaitun, Licheng, Wenling
Tahun Diasaskan: 260 Masihi
Usia: 1755 tahun
Personaliti: riang, ramah, rajin
Kawasan Pentadbiran: Provinsi Fujian
Keluasan: 11,015 kilometer persegi
Populasi: 8.29 juta (tahun 2012)
Bahasa: dialek Hokkien



Kota Yang Bersejarah

Quanzhou pernah digelar sebagai Kota Zaitun oleh pedagang Arab, dan merupakan salah satu daripada empat pelabuhan terbesar di China pada zaman pemerintahan Dinasti Tang (618-907).

Sejak abad ke-10, pokok citong (*Erythrina indica* Lam) telah banyak ditanam di Quanzhou. Pada bulan Mac setiap tahun, bunga citong berkembang mekar



sehingga membentuk lautan bunga yang berwarna merah untuk menyambut ketibaan kapal-kapal yang singgah di pelabuhan ini. Oleh itu, Quanzhou juga terkenal dengan nama Citong.

Pada ketika itu, pelayar, pedagang dan pengembara dari seluruh pelosok dunia berhimpun di Quanzhou. Mereka hidup harmoni di kota ini walaupun berlainan bangsa, agama dan budaya.

Keadaan ini dapat dibuktikan dengan tempat

peninggalan sejarah di kota ini, antaranya termasuklah Masjid Qingjing, masjid terkuno di China, Kuil Kaiyuan, salah satu kuil Buddha yang terkuno di China, dan patung Laozi (pengasas Taoisme) yang tertua dan terbesar di China.

Pengangkutan dan Penginapan

Quanzhou terletak di bahagian selatan China, sejauh kira-kira satu jam perjalanan dari bandar Xiamen dengan

Qingyuan, dan sebagainya.

Pada masa dahulu, Quanzhou juga pernah digelar sebagai Licheng yang bermaksud Kota Ikan Kap kerana peta kota Quanzhou kelihatan seperti seekor ikan kap.

Keluasan Distrik Licheng kecil sahaja. Pelancong boleh berjalan kaki di kebanyakan destinasi pelancongan di distrik ini. Pelancong juga boleh menaiki beca untuk mengelilingi kota lama ini.

Masjid Qingjing

Mari kita mulakan pengembalaan ini dari Masjid Qingjing yang terletak di Jalan Tumen.

Sebenarnya, saya tidak pernah melawat ke masjid ini semasa saya kecil kerana masjid ini jauh sedikit dari rumah saya. Selepas saya mempelajari bahasa Melayu dan budaya Melayu di Beijing Foreign Studies Universiti (BFSU), barulah saya mengenali masjid ini.

Masjid Qingjing dibina pada tahun 400 Hijrah, iaitu tahun 1009 Masihi. Masjid ini amat unik jika dibandingkan dengan masjid yang lain di China, bukan sahaja dari segi sejarahnya, tetapi juga daripada gaya pembinaannya.

Dari luar, Masjid Qingjing tidak menampakkan sebarang ciri seni bina China. Malah, tembok luar serta pintu utamanya lebih mencerminkan gaya Arab. Menurut catatan sejarah, masjid ini dibina

mengikut gaya masjid Damsyik, Syria.

Tembok masjid yang dihiasi dengan ukiran ayat-ayat suci al-Quran memisahkan bahagian dalam masjid dengan bahagian luar. Bahagian dalam masjid sunyi sepi dan tenteram, oleh itu amat sesuai untuk para jemaah menunaikan solat atau beribadat.

Terdapat sebuah batu bersurat di masjid ini yang tercatat titah perintah Maharaja Chengzu Dinasti Ming (1360-1424) agar memelihara masjid-masjid. Ternyata agama Islam di Quanzhou dihormati pada zaman itu.

Dari Jalan Tumen ke Jalan Barat

Keluar dari pintu utama Masjid Qingjing, kita akan memblok ke kanan dan berjalan kaki dari Jalan Tumen menuju ke Jalan Zhongshan Zhonglu.

Kononnya, jalan ini dinamai Tumen yang bermaksud "pintu tanah" kerana kawasan ini merupakan permulaan lereng tanah sepanjang tiga kilometer untuk membina Menara Kembar Timur dan Barat di Kuil Kaiyuan pada zaman pemerintahan Dinasti Song



(960-1279).

Di sebelah kanan Jalan Tumen, tidak jauh daripada Masjid Qingjing, pelancong akan menemukan sebuah Kuil Konfusius yang dibina pada zaman Dinasti Tang. Kuil ini telah dibaik pulih dan sebuah dataran dibina berhampirannya. Terdapat Muzium Kuil Konfusius, Muzium Peringatan Tokoh-tokoh Ternama Quanzhou dan pameran pendidikan Quanzhou pada zaman kuno di dalam kuil tersebut.

Destinasi seterusnya ialah Jalan Zhongshan Zhonglu, iaitu jalan komersial yang terkenal di Quanzhou. Di kedua-dua belah jalan ini terdapat bangunan tradisional dua tingkat yang mempunyai kaki lima. Semasa kecil,

ibu saya selalu membeli pakaian bagi menyambut Tahun Baharu Cina untuk kami sekeluarga di jalan ini. Selain kedai pakaian, terdapat juga kedai yang menjual makanan dan minuman, kedai buku, kedai gunting rambut, kedai gambar, pawagam, dan sebagainya di jalan ini. Bersiar-siar di jalan ini juga adalah kegemaran saya apabila berada di Quanzhou. Pokok-pokok yang rendang di kedua-dua belah jalan ini amat menyenangkan hati.

Pada penghujung Jalan Zhongshan Zhonglu, terletak sebuah menara jam putih yang berseri bina Barat. Menara yang dibina pada tahun 1934 ini pernah menjadi mercu tanda kota Quanzhou pada masa dahulu.





Berjalan ke arah sebelah kiri dari menara jam, kita akan memasuki Jalan Barat atau dalam bahasa Mandarinya Xijie. Jalan Xijie ini merupakan kawasan yang paling awal dibangunkan di kota Quanzhou. Pada zaman pemerintahan Dinasti Song, jalan ini boleh dikatakan melambangkan kemakmuran Quanzhou. Hingga kini, masih terdapat banyak bangunan lama di kedua-dua belah jalan

ini, antaranya termasuklah Kuil Kaiyuan.

Kuil Kaiyuan dan Menara Kembar Timur dan Barat

Dalam ingatan saya, Kuil Kaiyuan bukannya tempat untuk memuja Buddha, tetapi taman permainan saya sewaktu kecil. "Taman" ini luas dan banyak tempat yang menarik, seperti Menara Kembar Timur dan Barat, mural

binatang dalam kisah dongeng, kolam ikan kap, patung kurau gergasi, pokok mulberi yang berusia lebih 1300 tahun dan rangka kapal yang berusia lebih 700 tahun di Muzium Kapal Kuno di dalam kuil ini.

Kuil Kaiyuan dibina pada tahun 686, zaman pemerintahan Dinasti Tang. Keluasannya 70 ribu meter persegi. Bangunan yang paling terkenal di dalam kuil ini ialah Menara Kembar Timur dan

Barat, iaitu menara batu kuno yang tertinggi di China.

Kedua-dua menara ini terletak di sebelah timur dan sebelah barat di kawasan Kuil Kaiyuan. Menara di sebelah timur digelar sebagai Menara Zhen'guo yang bermaksud "menenteramkan negara", dibina pada tahun 865. Menara di sebelah barat pula digelar sebagai Menara Renshou, yang bermaksud "berbudi bahasa dan panjang umur",

dibina pada tahun 916.

Bayangan, betapa susah dan berat untuk mengangkat batu-batu yang besar tanpa mesin bagi membina dua buah menara tanpa menggunakan simen yang ketinggian masing-masing mencatat 48 meter dan 45 meter.

Menara Kembar Timur dan Barat kini telah menjadi lambang kota Quanzhou.

Selain tempat-tempat menarik, para pelancong juga

boleh menonton persempahan boneka bertali yang unik dan mengasyikkan, mendengar opera tempatan di tepi Tasik Baiyuan Qingchi, dan menikmati teh Wulong di kaki Bukit Qingyuan.

Sempena memperingati tempat kelahiran saya ini, saya menamakan Tong kepada anak saya. Semoga anak saya akan mewarisi personaliti kota Citong, iaitu riang, ramah dan rajin. **KS**

Xiamen

Wajah Yang Sukar Dilupakan



Selamat Datang ke Xiamen

Perjalanan dari Beijing ke Xiamen mengambil masa kira-kira dua jam dengan menaiki pesawat. Sekiranya dilihat pada peta China, Xiamen terletak di bahagian tenggara China, betul-betul menghadap Selat Taiwan. Xiamen yang mempunyai keluasan 1669.39 kilometer persegi mentadbir enam daerah, iaitu Huli, Siming (yang merangkumi Pulau Gulangyu), Haicang, Xiang'an, Jimei dan Tong'an.

Xiamen merupakan pelabuhan persetiaan (treaty port) pada abad ke-19 dan salah satu bandar yang tersenari dalam zon ekonomi khas (SEZ) yang dibuka kepada pelaburan dan perdagangan asing apabila China mula melaksanakan dasar pembaharuan dan buka pintu pada awal tahun 1980-an. Peranan Xiamen sebagai pelabuhan sejak abad ke-19 masih diteruskan sehingga kini, malah dengan pembangunan yang lebih hebat. Pelabuhan di Xiamen pada hari ini terus berkembang pesat dengan penubuhan Zon Perdagangan Bebas Perintis China (Fujian) kawasan Xiamen.

Zon Perdagangan Bebas Perintis China (Fujian) kawasan Xiamen melibatkan keluasan keseluruhan 43.78 kilometer persegi yang

merangkumi Kawasan Utama Pusat Perdagangan Rentas-Selat, yang berkeluasan 19.37 kilometer persegi (terletak di daerah Huli), dan Zon Pelabuhan Perdagangan Bebas Haicang, yang berkeluasan 24.41 kilometer persegi (terletak di daerah Haicang). Zon Perdagangan Bebas Perintis China (Fujian) kawasan Xiamen ini dikatakan sangat unik kerana melibatkan pembangunan laut, darat,



udara dan pelabuhan kapal. Oleh sebab pembangunan bandar dan ekonomi Xiamen seiring dengan transformasi China sejak tahun 1980-an, kesannya lebih ketara kini apabila Xiamen semakin maju dan memiliki infrastruktur yang moden. Bandar Xiamen yang kaya dengan

bangunan pencakar langit dan kedudukannya pula di tepi laut sudah pasti akan mewujudkan perasaan kagum dan teruja dalam kalangan pengunjungnya. Sekiranya ingin percutian yang mesra alam, silalah berkunjung ke Xiamen kerana selain memiliki pemandangan semula jadi yang indah, udara yang bersih dan iklim subtropika hampir sepanjang tahun, Xiamen juga tempat tersimpannya khazanah alam yang sangat berharga.

Universiti Xiamen, Ibarat Sirih Pulang ke Gagang

Xiamen sangat beruntung kerana di sebalik kepesatan bandarnya, Xiamen masih memiliki satu nilai yang sangat penting dalam sistem kehidupan, iaitu pendidikan. Penubuhan Universiti Xiamen melengkapkan keperluan pembangunan di bandar Xiamen, iaitu keperluan dari aspek material dan spiritual. Pendidikan pada peringkat tinggi sangat penting bagi menjamin negara memiliki generasi atau pewaris yang mempunyai kemantapan ilmu pengetahuan dan sahsiah yang tinggi demi pembangunan negara pada masa depan.

Universiti Xiamen ditubuhkan pada tahun 1921 oleh Tan Kah Kee, seorang usahawan berjaya dari Malaya. Menurut catatan sejarah, ramai

penduduk Xiamen dan Fujian berhijrah ke Asia Tenggara dan Taiwan pada abad ke-19 dan awal abad ke-20. Diaspora ini telah menyebarkan dialek Hokkien dan budaya Cina ke luar, namun terdapat juga antara mereka yang ibarat sirih pulang ke gagang, kembali semula ke Xiamen, lalu menubuhkan universiti dan institut kebudayaan. Tuan Tan Kah Kee bersungguh-sungguh mahukan sebuah universiti ditubuhkan di Xiamen kerana menurut beliau, hanya melalui pendidikan sesebuah negara akan dihormati.

Pada sekitar tahun 1922-1933, apabila tercetusnya krisis ekonomi dunia, Tuan Tan Kah Kee telah menjual harta benda beliau di Singapura untuk menampung pembiayaan pembangunan Universiti Xiamen. Kini, segala pengorbanan Tuan Tan Kah Kee ternyata berbaloi apabila Universiti Xiamen sedang menuju status universiti bertaraf dunia menjelang ulang tahun ke-100 penubuhan Republik Rakyat China pada tahun 2049. Lebih istimewa, pada tahun 2015, Universiti Xiamen kampus Malaysia yang terletak di Salak Tinggi dijangka akan memulakan operasinya.

Sesiapa yang telah berkunjung ke Universiti Xiamen, rata-rata mengagumi landskap universiti tersebut.



Keunikan landskap Universiti Xiamen bukan sahaja pada seni bina bangunannya, malah landskap persekitarannya juga sangat menarik. Kebanyakan bangunan di Universiti Xiamen adalah gabungan seni bina Barat dan China. Menurut sesetengah sumber, gabungan seni bina yang istimewa itu dinamai Kah Kee. Stail Kah Kee menampilkan seni bina gaya Barat pada keseluruhan bangunan, kecuali pada bahagian bumbung yang menonjolkan ciri seni bina China. Stail Kah Kee adalah cetusan idea daripada Tan Kah Kee, pengasas Universiti Xiamen itu sendiri.


Sebagai sebuah universiti, Universiti Xiamen mempunyai topografi yang istimewa, iaitu berhadapan dengan laut, manakala di belakangnya pula tersergam gunung-



menikmati hembusan bayu yang sepoi-sepoi bahasa pula, bersiar-siarlah di persisiran pantai, ketenangan yang dicari pasti akan ditemukan di sana.

Irama Merdu Pulau Gulangyu

Sekiranya sudah sampai di Xiamen, tidak lengkap



sekiranya tidak melawat ke Pulang Gulangyu, sementelah kedudukannya pula yang begitu hampir dengan Xiamen. Perkhidmatan feri dua hala disediakan dari Xiamen ke Pulau Gulangyu. Perjalanan dengan menaiki feri dianggarkan selama lima minit sahaja. Oleh sebab kedudukan dua tempat tersebut berdekatan, maka bandar Xiamen mudah dilihat dari Pulau Gulangyu, begitu juga sebaliknya. Keadaan yang sama seperti bandar Johor Bahru dengan kota Singapura.

Pulau Gulangyu tersenarai antara tempat pemandangan indah peringkat kebangsaan di China dan antara sepuluh teratas dalam senarai tempat pemandangan indah di provinsi Fujian. Pulau Gulangyu mendapat namanya daripada perkataan “Gu” yang diterjemah daripada bahasa Mandarin bermaksud penduduk.

Boleh dikatakan Pulau Gulangyu adalah sebuah pulau yang sangat istimewa. Hal ini disebabkan selain mempunyai pemandangan yang indah, Pulau Gulangyu juga dikenali sebagai “muzium seni bina” kerana memiliki pelbagai bangunan tinggalan sejarah kolonial yang merupakan legasi petempatan antarabangsa 14 buah negara antaranya termasuklah Jepun dan Sepanyol pada abad ke-19 dan ke-20, iaitu selepas tercetusnya Perang Candu pada tahun 1840. Bangunan-bangunan tersebut kebanyakannya masih dikekalkan hingga kini sebagai daya tarikan pelancong. Namun begitu, terdapat juga antara bangunan tersebut yang dijadikan kafe atau restoran dengan konsep yang lebih moden.

Pulau Gulangyu juga terkenal dengan jolokan nama “pulau muzik” kerana di pulau tersebut terletaknya sebuah Muzium Piano yang menyimpan lebih 40 piano antik yang berusia hampir 200 tahun. Antara piano yang menarik perhatian termasuklah piano yang bersadur emas, piano antik yang mengeluarkan bunyi apabila dipusingkan dengan tangan (piano jenis ini biasanya dimainkan di tepi jalan), piano vertikal tertua dan terbesar, piano pedal automatik, dan sebagainya. Semua piano tersebut sangat dijaga oleh pihak muzium



bagi memastikan piano-piano tersebut sentiasa dalam keadaan yang baik untuk tatapan generasi akan datang. Piano-piano antik tersebut hanya dapat dilihat di Pulau Gulangyu kerana pihak pengurusan Muzium Piano tidak membenarkan sesiapa pun merakam gambar-gambar piano tersebut.

Bersiar-siar mengelilingi Pulau Gulangyu sememangnya

suatu pengalaman dan kenangan yang sungguh istimewa. Pulau Gulangyu sangat sesuai bagi sesiapa yang suka akan aktiviti berjalan kaki kerana di pulau tersebut tidak terdapat sebarang kenderaan berjenin. Di pulau tersebut, hanya disediakan buggy untuk pelancong yang mahu mengelilingi pulau tanpa berjalan kaki. Oleh itu, pelancong yang datang ke

Pulau Gulangyu pasti merasai nikmat udara bersih dan kesegaran alam sekitarnya kerana tiada pencemaran daripada bahan bakar kenderaan berjenin.

Bagi pelancong yang mahu menginap di Pulau Gulangyu terdapat banyak pilihan hotel disediakan di pulau tersebut. Soal makan juga tidak perlu dikhawatiri, terdapat beberapa buah kedai makan yang berasaskan makanan laut dapat ditemukan di pulau tersebut, selain gerai-gerai kecil yang dibuka di tepi-tepi jalan yang menjual pelbagai jenis makanan ringan.

Setelah puas bersiar-siar di Pulau Gulangyu, janganlah lupa membeli cenderamata Pulau Gulangyu sebagai kenangan-kenangan. Terdapat banyak pilihan cenderamata yang boleh dibeli untuk dibawa pulang. Mungkin cenderamata tersebut akan menjadi tanda ingatan semasa di Pulau Gulangyu, namun segala memori yang tercipta di Pulau Gulangyu akan tetap tersimpan rapi di sudut hati dan tidak mudah untuk dilupakan. Benarlah seperti yang disebutkan oleh pujangga China, dalam kehidupan manusia, manusia tidak akan melupakan dua wajah, iaitu wajah seorang ibu dan wajah sebuah tempat.

Ternyata lawatan ke Xiamen bukan sekadar perjalanan biasa, malah perjalanan yang penuh dengan pengalaman dan pengetahuan baharu. **Ks**



Pencuci Mulut pada Musim Panas



Bubur Labu

Helo! Selamat datang ke ruangan Dapur Lazat Anisah! Bersempena dengan kedatangan musim panas, orang China gemar akan hidangan yang kurang masin. Selain itu, sekiranya dapat menikmati pencuci mulut yang dingin dan sedap selepas makan, keseronokannya sukar diceritakan.

Dalam keluaran kali ini, Anisah bersedia untuk berkongsi resepi pencuci mulut yang amat sesuai dimakan pada musim ini dan juga amat mudah dimasak, iaitu "Bubur Labu".

Labu banyak mengandungi air dan rendah kalori, serta kaya dengan vitamin A, asid folik dan kalium. Labu yang mempunyai khasiat penting untuk kesihatan tubuh, sesuai untuk dimakan oleh pesakit demam, kencing manis, askariasis, dan lain-lain. Selain itu, labu juga berfungsi untuk melindungi mukosa gaster dan membantu penceraaan.

Baiklah, pencuci mulut kesukaan

saya pada musim panas telah saya kongsikan dengan anda semua. Adakah anda mempunyai apa-apa pencuci mulut yang ingin dikongsi dengan saya? Jangan lupa beritahu saya, ya! Kami akan menyiarakan apa-apa yang ingin anda kongsikan dalam majalah kami. **KS**

Bahan: Labu, gula, air.

Cara memasak:

- 1.Buang kulit labu dan cuci sehingga bersih. Potong labu menjadi ketulan kecil. Kukus labu dalam kuali sehingga masak. Langkah ini memerlukan masa kira-kira 15 minit.

Cara untuk memeriksa labu yang sudah masak: Gunakan penyeprit untuk mencucuk labu. Kalau labu mudah dicucuk, ini bermakna labu sudah masak.

- 2.Masukkan labu yang sudah masak ke dalam mesin pengisar, tambahkan sedikit air minum dan gula secukup rasa. Kisar sehingga menjadi pes.

- 3.Bubur labu sudah siap. Baunya sangat harum. Pada ketika itu, bubur labu masih panas. Oleh itu, anda boleh terus makan bubur labu tersebut tanpa perlu memanaskannya.



Waktu Solat di China



Selain waktu solat dan panduan arah kiblat, anda juga boleh mendapat info-info berguna yang membantu menyempurnakan pelancongan anda di China, seperti:



restoran Islam



masjid



pusat beli-belah



tempat pelancongan

App ini secara automatik mengesan lokasi anda di China, Malaysia dan Indonesia, dan akan memaparkan waktu solat tempatan serta arah kiblat. Ia juga sebagai panduan khusus untuk warga muslim sewaktu berada di China.

吉祥金

PROSPEROUS GOLD

百年中行

百年辉煌



中银吉祥金系列贵金属产品

Bank of China Propitious Gold Series
Precious Metal Products

*产品规格以实际柜台销售为准。图片仅供参考。

* Product specifications are for references only and may vary depending on the final stock available at the sales counters. Images are for illustration purpose only.

For more information, you may log on to www.bankofchina.com/my/, visit any of our branches nationwide or call 603-2171 7288 Ext 237

【 安全 • 保值 • 永恒 | Secure • Preservation • Perpetual 】